

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS : PENGANTAR PENGAJIAN ISLAM
KOD KURSUS : UWA 10402
PROGRAM : 3 DAA/DAI/DAM
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2013/JANUARI 2014
MASA : 2 JAM
ARAHAN : A) JAWAB **SEMUA** SOALAN
DALAM BORANG OMR YANG
DISEDIAKAN
B) DILARANG MEMBAWA
KERTAS SOALAN INI KELUAR
DARI DEWAN PEPERIKSAAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **ENAM BELAS (16)** MUKA SURAT

SULIT

- S1 *Salima* dalam bahasa Melayu bermaksud
- A aman
 - B tunduk
 - C harmoni
 - D sejahtera
- S2 Bagaimanakah cara menjadikan Islam sebagai al-Deen?
- A Menjadikan Islam sebagai agama rasmi sesebuah negara
 - B Menjadikan Islam sebagai cara hidup dalam ibadat khusus
 - C Menjadikan Islam sebagai cara hidup dalam semua aspek kehidupan
 - D Menjadikan Islam sebagai cara hidup dalam perundangan jenayah dan sosial
- S3 Apakah pengertian Islam dari segi istilah?
- A Menyerah diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T. dengan mentauhidkanNya dengan penuh keikhlasan yang lahir dalam diri secara menyeluruh
 - B Menyerah diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T. dengan penuh kepatuhan yang lahir dalam diri sendiri dan beriman kepada ajaranNya yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W.
 - C Menyerah diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T. dengan mentauhidkanNya, taat dan patuh dengan penuh keikhlasan serta beriman kepada ajaranNya yang dibawa Nabi Muhammad S.A.W.
 - D Menyerah diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T. dengan penuh keikhlasan yang lahir dalam diri sendiri dengan beriman sebahagian daripada ajaranNya yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W.
- S4 Apakah ciri seorang muslim dan mukmin yang berpegang teguh kepada ajaran Islam?
- A Menolak secara mutlak agama lain selain daripada agama Islam
 - B Mengamalkan peraturan Islam secara total dalam semua urusan kehidupan
 - C Kepercayaan kepada Allah S.W.T. dan kerasulan Nabi Muhammad S.A.W.
 - D Mengakui bahawa peraturan yang ditentukan bersesuaian dengan fitrah manusia
- S5 Berikut adalah antara ciri-ciri kesempurnaan Islam **kecuali**
- A lengkap dan menyeluruh
 - B ciptaan dari Allah S.W.T.
 - C berasaskan wahyu Allah S.W.T.
 - D diasaskan oleh Nabi Muhammad S.A.W.

- S6 Berikut adalah antara perbahasan mengenai Ilmu Tauhid.
- A Memperkatakan mengenai ketuhanan
 - B Membahaskan tentang keutamaan alam dunia
 - C Memperkatakan tentang cabang-cabang syariah
 - D Membahaskan tentang alam dan isu kandungannya
- S7 Apakah pengertian akidah dari segi istilah?
- A Kepercayaan yang tersimpul dalam jiwa yang boleh terurai atau terputus dalam apa jua keadaan dan suasana
 - B Kepercayaan yang tersimpul kukuh dan teguh dalam jiwa yang boleh terurai atau terputus bergantung kepada keadaan dan suasana
 - C Kepercayaan yang tersimpul kukuh dalam jiwa sehingga tidak mungkin akan terurai atau terputus walau oleh apa jua keadaan dan suasana
 - D Kepercayaan yang tersimpul kukuh dan teguh pada pandangan manusia sehingga tidak mungkin akan terurai atau terputus walau oleh apa jua keadaan dan suasana
- S8 Apakah hukum mempelajari Ilmu Tauhid?
- A Wajib fardhu kifayah ke atas setiap mukallaf bagi mengetahui sifat-sifat Allah S.W.T. secara ijmal (ringkas) beserta dalil ijmal (ringkas)
 - B Wajib fardhu ain ke atas setiap mukallaf bagi mengetahui sifat-sifat Allah S.W.T. secara tafsili (terperinci) beserta dalil tafsili (terperinci)
 - C Wajib fardhu ain ke atas setiap mukallaf bagi mengetahui sifat-sifat Allah S.W.T. sama ada secara ijmal atau secara tafsili (terperinci) beserta dalil ijmal (ringkas)
 - D Wajib fardhu ain ke atas setiap mukallaf bagi mengetahui sifat-sifat Allah S.W.T. sama ada secara ijmal atau secara tafsili (terperinci) beserta dalil tafsili (terperinci)
- S9 Apakah yang dimaksudkan dengan Ijmak?
- A Persetujuan mujahid untuk menentukan suatu hukum syarak
 - B Kesepakatan mujtahid untuk menentukan suatu hukum syarak
 - C Kesepakatan mujtahid selepas kewafatan Nabi Muhammad S.A.W. pada suatu zaman terhadap sesuatu hukum syarak
 - D Persetujuan mujtahid untuk menentukan perkara-perkara hukum yang terdapat dalam al-Qur'an dan al-Sunnah selepas kewafatan Nabi Muhammad S.A.W.

- S10** Apakah sumber hukum yang memutuskan sesuatu berasaskan kepada prinsip kebaikan umum ke atas suatu perkara yang tidak terdapat dalam al-Qur'an dan al-Hadith secara jelas?
- A *Uruf*
 - B *Istishab*
 - C *Saddu al-Zara'ie*
 - D *Masalih al-Mursalah*
- S11** Apakah maksud Istihsan?
- A Mengekalkan hukum yang terdahulu selagi belum terdapat dalil yang mengubah hukum tersebut
 - B Menerangkan kehendak syariah daripada lafaz tanpa terikat kepada pengertian zahir lafaz tersebut
 - C Kebiasaan yang diamalkan oleh sebahagian besar sesuatu masyarakat dan diterima pakai sebagai asas hukum
 - D Mengeneipkan sesuatu hukum yang mempunyai dalil atas suatu perkara dengan mengambil hukum lain yang lebih kukuh
- S12** Apakah situasi yang menggambarkan contoh bagi Uruf?
- A Larangan menjalankan proses pengklonan manusia bagi memelihara keturunan
 - B Memakan semua makanan adalah halal sehingga ditemui dalil yang melarangnya
 - C Melakukan jualbeli dengan cara serah terima barang tanpa melakukan lafaz ijab dan qabul
 - D Mensyaratkan memiliki sijil nikah sebagai pengesahan dari kesamaran dalam soal perkahwinan
- S13** Apakah penekanan utama dalam pengajaran al-Qur'an ?
- A Sifat semulajadi manusia
 - B Konsep ketauhidan Allah S.W.T.
 - C Kepentingan memperakui kewujudan Allah S.W.T.
 - D Akhlak dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah Allah S.W.T.
- S14** Apakah maksud perkataan *al-Zikr* dalam al-Qur'an?
- A Suatu kitab yang dibaca dan ditulis
 - B Peringatan kepada kaum yang beriman
 - C Yang diturunkan melalui malaikat Jibril
 - D Pembeza antara yang hak dan yang batil

- S15** Manakah keterangan berikut yang paling tepat menjelaskan hubungan antara al-Qur'an dengan sains?
- I Ajaran al-Qur'an menggalakkan penemuan-penemuan sains
 - II Ajaran-ajaran al-Qur'an menjadi bukti kebenaran sains fizik
 - III Al-Qur'an menyeru umat manusia mendalami pengkajian sains
 - IV Penemuan-penemuan sains menjadi bukti kebenaran al-Qur'an
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D Semua di atas
- S16** Apakah ilmu yang membincangkan tentang pelbagai jenis keindahan makna dan perumpamaan dalam ayat-ayat al-Qur'an?
- A *Badi'e al-Qur'an*
 - B *Aqsam al-Qur'an*
 - C *Hujaj al-Qur'an*
 - D *Gharib al-Qur'an*
- S17** Apakah koleksi hadis yang ditulis pada pertengahan kurun pertama hijrah (sebelum tahun 50 Hijrah) yang lebih dikenali sebagai Sahifah Hammam?
- A Sahifah Madinah
 - B Sahifah Abu Nu'man
 - C Sahifah Abu Hurairah
 - D Sahifah Rasulullah S.A.W.
- S18** Generasi terawal umat Islam tidak memerlukan ilmu tertentu bagi memahami ayat-ayat al-Qur'an kerana
- I Rasulullah S.A.W. dijadikan rujukan utama dalam permasalahan yang dihadapi oleh sahabat
 - II umat Islam belum terdedah kepada situasi dan keadaan yang memerlukan ilmu khas dalam menyelesaikan permasalahan umat
 - III Rasulullah S.A.W. memberi peluang kepada sahabatnya untuk berijtihad dalam mencari ilmu-ilmu untuk memahami kehendak wahyu
 - IV generasi awal umat Islam sangat faham dengan al-Qur'an sehingga mereka tidak memerlukan ilmu-ilmu sokongan untuk memahami kehendak wahyu
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas

S19 Berikut adalah gelaran bagi menggambarkan tahap penguasaan tertinggi dalam ilmu hadis.

- A Al-Hafiz
- B Al-Musnid
- C Al-Muhaddith
- D Al-Mukatabah

S20 Apakah yang dimaksudkan sebagai Hadith Sahih?

- A Hadith yang direka oleh manusia
- B Hadith yang memiliki kelemahan baik pada matan dan sanad
- C Hadith yang matan dan sanadnya dipercayai, berkualiti dan kuat.
- D Hadith yang dirawikan oleh ramai perawi berkualiti sehingga tidak mungkin berlaku kepalsuan

S21 Berikut adalah bentuk-bentuk penerimaan hadis.

- I *Al-Sama'*
- II *Al-Ijazah*
- III *Al-Talaqi*
- IV *Al-Munawalah*

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

S22 Manakah antara nama-nama berikut termasuk dalam tokoh hadis *Kutub Sittah*?

- A Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Malik dan Imam Hanafi
- B Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Malik dan Imam Syafie
- C Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Malik dan Imam Ahmad
- D Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Malik dan Imam Tirmidzi

S23 Mengapakah gelaran Ahli Sunnah Wal Jamaah tidak digunakan semasa zaman sahabat?

- A Gelaran sahabat lebih mulia dan tinggi kedudukannya
- B Para sahabat tidak tergolong dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah
- C Golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah belum wujud di zaman para sahabat
- D Para sahabat tidak sesuai menggunakan gelaran Ahli Sunnah Wal Jamaah

- S24** Berikut antara sebab istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah digunakan secara meluas **kecuali**
- A membezakan kelompok umat Islam yang mengamalkan Islam dengan golongan bidaah
 - B membezakan kelompok umat Islam dengan beberapa mazhab atau aliran akidah yang bercanggah daripada Islam
 - C membezakan kelompok umat Islam dari golongan Muktazilah yang mendahului akal dari dalil al-Qur'an dan al-Hadith
 - D membezakan kelompok umat Islam dari golongan orang bukan Islam yang mengemukakan hujjah menolak Allah S.W.T. sebagai Tuhan
- S25** Siapakah golongan yang dikenali dengan Muktazilah?
- A Golongan yang berfahaman Yahudi
 - B Golongan yang menafikan takdir Allah S.W.T.
 - C Golongan yang mentafsirkan wahyu berasaskan logik akal
 - D Golongan yang mendahului logik akal daripada nas syarak
- S26** Apakah gelaran lain bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah?
- I Sunni
 - II al-'Asya'irah
 - III al-Syafiiyyah
 - IV al-Maturidiyyah
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas
- S27** Apakah punca pertelingkahan antara Wasil bin Ata' dengan gurunya Hassan al-Basri yang menyebabkan lahirnya golongan Muktazilah?
- A Mengenai perjawatan dalam khilafah Islam
 - B Mengenai kedudukan orang melakukan dosa
 - C Mengenai mereka yang melakukan syirik kepada Allah S.W.T.
 - D Mengenai kepercayaan terhadap Nabi Muhammad S.A.W. sebagai nabi
- S28** Mengapakah Imam Ahmad bin Hanbal telah menentang fahaman Muktazilah?
- A Fahaman ini melakukan syirik kepada Allah S.W.T.
 - B Fahaman ini berpendapat al-Qur'an adalah makhluk
 - C Fahaman ini mengutamakan jawatan dalam khilafah
 - D Fahaman ini menolak kepercayaan kepada Allah S.W.T.

- S29** Siapakah yang dimaksudkan dengan golongan Salaf?
- A Golongan yang menentang ajaran Islam
 - B Golongan yang mencampuradukkan akidah dengan falsafah Yunani
 - C Golongan yang terkemudian berpegang teguh dengan kitab Allah S.W.T.
 - D Golongan yang terdahulu berpegang teguh dengan ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah

- S30** Apakah persamaan antara golongan Salaf dan Khalaf?

- A Sentiasa wujud sepanjang zaman
- B Diasaskan oleh pengasas yang sama
- C Keduanya menjadikan akal sebagai panduan utama
- D Menjadikan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai panduan utama

Soalan 31 hingga 36 adalah berdasarkan kepada jadual 1 di bawah.

Jadual 1

A	Syariah
B	Syarat Ibadah
C	Ibadah Umum
D	Ibadah Khusus

- S31** Setiap yang diperundangkan oleh Allah S.W.T. dalam urusan keagamaan melalui wahyuNya sama ada al-Qur'an atau al-Sunnah.
- S32** Setiap amalan mesti dimulai dengan niat kerana Allah S.W.T.
- S33** Amalan yang menghubungkan manusia dengan Allah S.W.T.
- S34** Amalan yang menghubungkan manusia dengan manusia yang lain.
- S35** Ahmad telah menguruskan jenazah yang mati disebabkan jangkitan HIV.
- S36** Ali dan Rahman bersama-sama pergi menunaikan solat berjamaah di masjid.
- S37** Apakah matlamat utama manusia diciptakan oleh Allah S.W.T.?
- A Mencari habuan dunia
 - B Menimba ilmu pengetahuan
 - C Melaksanakan kerja-kerja kebajikan
 - D Mengabdikan diri kepada Allah S.W.T.
- S38** Berikut adalah antara ciri sesuatu amalan diterima oleh Allah S.W.T.
- A Melakukan sesuatu sehingga mengabaikan solat
 - B Melakukan sesuatu dengan harapan untuk mendapat pujian
 - C Memelihara batas-batas pergaulan ketika melakukan sesuatu amalan
 - D Mengutamakan pencapaian tanpa mementingkan cara pelaksanaannya

- S39** Apakah maksud akhlak dari sudut bahasa?
- A Perasaan dan tabiat
 - B Tingkahlaku dan perangai
 - C Tindakan hati dan perangai
 - D Kehendak nafsu dan tindakan
- S40** Apakah kalimah asal bagi perkataan akhlak?
- A *Khalq*
 - B *Khaliq*
 - C *Khuluq*
 - D *Makhlug*
- S41** Apakah perbezaan antara akhlak mahmudah dengan akhlak mazmumah?
- A Akhlak mahmudah adalah perbuatan yang dilakukan adil menurut syarak dan akal manakala akhlak mazmumah adalah perbuatan yang dilakukan zalim menurut syarak dan akal
 - B Akhlak mahmudah adalah perbuatan yang dilakukan terpuji menurut syarak dan akal manakala akhlak mazmumah adalah perbuatan yang dilakukan tercela menurut syarak dan akal
 - C Akhlak mahmudah adalah perbuatan yang dilakukan munasabah menurut syarak dan akal manakala akhlak mazmumah adalah perbuatan yang dilakukan baik menurut syarak dan akal
 - D Akhlak mahmudah adalah perbuatan yang dilakukan sederhana menurut syarak dan akal manakala akhlak mazmumah adalah perbuatan yang dilakukan terpuji menurut syarak dan akal
- S42** Bagaimanakah proses perbuatan dan tindakan manusia boleh berlaku menurut akhlak Islam?
- A Dilakukan tanpa niat, ikhtiar sendiri dan sengaja
 - B Dilakukan tanpa perancangan, keadaan sedar dan sengaja
 - C Dilakukan dengan niat, keadaan sedar, ikhtiar sendiri dan sengaja
 - D Dilakukan dengan perancangan, keadaan sedar, ikhtiar sendiri dan sengaja
- S43** Bagaimanakah cara Islam membentuk individu menjadi insan yang berakhlak mulia?
- I Bergaul dengan orang yang soleh
 - II Membiasakan diri dengan amalan yang baik
 - III Sentiasa berlapang dada untuk menerima nasihat
 - IV Menghayati akhlak Rasulullah S.A.W. dan para sahabat
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas

- S44** Siapakah yang berperanan penting membentuk akhlak terpuji dalam Islam?
- A Iububapa
 - B Guru-guru
 - C Masyarakat
 - D Ahli keluarga
- S45** Apakah perkara yang diperlukan oleh setiap manusia untuk memenuhi tuntutan agama dan kehidupan dunia?
- A Hajiyyat
 - B Tahsiniyyat
 - C Dharuriyyat
 - D Maqasid Syariah
- S46** Berikut adalah matlamat utama pelaksanaan undang-undang Jenayah Islam **kecuali**
- A pemulihan
 - B persamaan
 - C pencegahan
 - D pembalasan
- S47** Undang-undang Jenayah Islam merujuk kepada tiga komponen utama iaitu
- A qisas, takzir dan qazaf
 - B hudud, qazaf dan qisas
 - C qazaf, hudud dan qisas
 - D takzir, qisas dan hudud
- S48** Berikut adalah cara pensabitan qazaf **kecuali**
- A sumpah
 - B pengakuan tertuduh
 - C qarinah atau ada bukti
 - D keterangan dua orang saksi
- S49** Apakah syarat yang membolehkan peminum arak tidak dikenakan hukum hudud?
- A Tiada saksi
 - B Tahu haram
 - C Tidak darurat
 - D Bukan dipaksa

- S50** Pembahagian kesalahan Takzir adalah seperti berikut **kecuali**
- A melakukan kesalahan kecil
 - B melakukan perbuatan jenayah
 - C melakukan perbuatan maksiat
 - D merosakkan kepentingan awam
- S51** Apakah hukuman bagi kesalahan merompak yang mengganggu ketenteraman awam?
- A Potong tangan secara bersilang dan disebat
 - B Potong tangan secara bersilang dan didenda
 - C Potong tangan secara bersilang dan dipenjara
 - D Potong tangan secara bersilang dan buang daerah
- S52** Apakah hukuman bagi kesalahan zina yang muhsan?
- A Bunuh
 - B Buang daerah
 - C Sebat seratus kali
 - D Rejam sampai mati
- S53** Apakah hukuman bagi penjenayah bukan Islam di bawah undang-undang Jenayah Islam?
- A Qisas
 - B Diyat
 - C Takzir
 - D Hudud
- S54** Mengapakah pelaksanaan hukuman dalam undang-undang Jenayah Islam perlu dilakukan di khalayak ramai?
- A Sebagai cemuhan kepada penjenayah
 - B Sebagai pembalasan kepada penjenayah
 - C Sebagai pengajaran kepada penjenayah dan masyarakat
 - D Bagi tujuan memalukan kepada penjenayah dan masyarakat
- S55** Apakah hukum berubat menggunakan arak mengikut Mazhab Syafie?
- A Sunat
 - B Harus
 - C Haram
 - D Makruh

- S56** Muamalat ialah tatacara atau peraturan dalam perhubungan manusia untuk memenuhi keperluan masing-masing yang berlandaskan syariat Allah S.W.T. melibatkan bidang _____ dan _____ Islam.
- A ekonomi, sosial
 - B ekonomi, pentadbiran
 - C politik, pengurusan kewangan
 - D sosial, pentadbiran urustadbir korporat
- S57** Prinsip muamalat Islam ialah
- I berteraskan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah S.W.T.
 - II sentiasa menerapkan sifat-sifat mulia dalam mencari harta kekayaan
 - III bertujuan untuk mengaut keuntungan daripada aktiviti perniagaan harian
 - IV memastikan harta yang diperolehi tidak digunakan pada perkara-perkara yang haram dan memudaratkan
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas
- S58** Apakah pengertian *al-Wadi'ah* dari segi istilah?
- A Memberikan kuasa kepada orang lain untuk menjaga harta
 - B Meletakkan sesuatu harta kepada orang lain dengan tujuan perniagaan
 - C Membuat penebusan hasil keuntungan daripada sesuatu transaksi jualbeli
 - D Memberikan hak penjagaan harta kepada orang lain bagi mendapatkan keuntungan
- S59** Apakah yang dimaksudkan dengan *Bai' al-Salam*?
- A Perkongsian di antara untung dan rugi dalam perniagaan
 - B Perjanjian di antara pihak yang diupah dengan pihak yang mengupah
 - C Penambahan untung yang telah dipersetujui antara pembeli dengan penjual
 - D Penangguhan penyerahan barang kepada pembeli mengikut syarat yang tertentu
- S60** *Mudharabah* terbahagi kepada dua iaitu
- A *Mudharabah Mutlaah* dan *Mudharabah Muqayyadah*
 - B *Mudharabah Mulaqah* dan *Mudharabah Muqayyadah*
 - C *Mudharabah Mutlaqah* dan *Mudharabah Muqayyadah*
 - D *Mudharabah Mufawaqah* dan *Mudharabah Muqayyadah*

S61 Manakah **bukan** prinsip syariah dalam sistem muamalat Islam?

- I Riba
 - II *Gharar*
 - III *Syubhah*
 - IV Penipuan
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas

S62 Berikut adalah antara faktor takaful diharuskan dalam Islam.

- A Bertujuan mengaut keuntungan
- B Berbentuk kontrak jual beli atau perniagaan
- C Berbentuk perniagaan yang berorientasikan keuntungan
- D Berbentuk sumbangan derma kepada individu yang menerima musibah

Soalan 63 hingga 66 adalah berdasarkan kepada Jadual 2 di bawah.

Jadual 2

A	<i>Ijarah</i>
B	<i>Al-Qard</i>
C	<i>Wakalah</i>
D	<i>Mudharabah</i>

S63 Encik Muhammad dan Encik Ahmad telah bersetuju membuat akad perkongsian bersama bagi mengusahakan sebuah syarikat perniagaan di mana keuntungan dan kerugian akan ditanggung bersama.

S64 Puan Halimah telah menyewa sebuah premis perniagaan bagi menjual pakaian terpakai.

S65 Encik Ali dan Encik Rahmat telah bersetuju melantik seorang peguam dalam satu kes penipuan yang melibatkan syarikat mereka.

S66 Encik Jamil telah membuat pinjaman dengan sebuah institusi pinjaman bagi menampung yuran pengajiannya di universiti.

S67 Apakah yang dimaksudkan dengan perkahwinan dari segi istilah?

- A Satu peraturan yang digariskan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah
- B Syariat yang mengatur urusan berkaitan hubungan lelaki dan wanita melalui ikatan perkahwinan
- C Ikatan yang mengharuskan perhubungan antara lelaki dan perempuan mengikut syarat-syarat tertentu
- D Membentuk sebuah keluarga bahagia yang sentiasa berpandukan kepada bimbingan al-Qur'an dan al-Sunnah

- S68** Berikut adalah proses pembentukan keluarga dalam Islam.
- I Mengadakan walimah
 - II Menentukan pasangan
 - III Melakukan peminangan
 - IV Mengadakan mas kahwin
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas
- S69** Apakah perkara utama yang mendasari sesebuah ikatan perkahwinan?
- A Mempunyai rupa paras yang cantik
 - B Berpegang teguh kepada ajaran Islam
 - C Mampu menjamin masa depan yang baik
 - D Mempunyai kedudukan ekonomi yang stabil
- S70** Apakah perkara yang menyebabkan wajib nafkah ke atas seorang suami?
- A Perkahwinan yang sah
 - B Memiliki harta yang berlebihan
 - C Isteri tidak mempunyai pendapatan
 - D Kedudukan keluarga yang memerlukan bantuan
- S71** Apakah yang dimaksudkan dengan harta sepencarian?
- A Harta yang dimiliki oleh isteri dalam tempoh perkahwinan
 - B Harta yang dimiliki oleh suami dalam tempoh perkahwinan
 - C Harta yang dimiliki oleh suami isteri dalam tempoh perkahwinan
 - D Harta yang dimiliki oleh suami isteri selepas tempoh perkahwinan
- S72** Apakah yang dimaksudkan dengan nusyuz?
- A Mengingkari perintah suami untuk mentaati
 - B Mengingkari perintah suami dengan tiada alasan syarak
 - C Mengingkari perintah suami yang bertentangan dengan hukum syarak
 - D Mengingkari perintah suami untuk memelihara keharmonian rumah tangga
- S73** Apakah hak yang gugur apabila berlaku perceraian ke atas isteri yang nusyuz?
- A Mut'ah
 - B Hadhanah
 - C Nafkah iddah
 - D Harta sepencarian

- S74** Manakah antara situasi berikut yang mengharuskan perceraian berlaku?
- A Keputusan isteri
 - B Nasihat ibu bapa
 - C Pilihan anak-anak
 - D Pilihan suami atau keputusan qadhi
- S75** Siapakah yang diberi keutamaan memelihara anak yang belum mumaiyiz apabila berlaku perceraian?
- A Ibu
 - B Bapa
 - C Nenek
 - D Ibu Saudara
- S76** Apakah pengertian fasakh?
- A Membatalkan perkahwinan melalui kuasa sivil
 - B Membatalkan perkahwinan melalui kuasa isteri
 - C Membatalkan perkahwinan melalui kuasa qadhi
 - D Membatalkan perkahwinan melalui kuasa hakim
- S77** Berikut adalah sebab-sebab yang mengharuskan fasakh.
- I Suami mati pucuk
 - II Suami menghilangkan diri
 - III Suami melakukan poligami
 - IV Suami mempunyai penyakit berjangkit
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas
- S78** Apakah pengertian hadhanah dari sudut syarak?
- A Mendidik dan memelihara anak setelah mumaiyiz
 - B Mendidik dan memelihara anak yang belum mumaiyiz
 - C Mendidik dan memelihara anak setelah mencapai umur baligh
 - D Mendidik dan memelihara anak apabila mencapai umur dewasa

S79 Siapakah yang berhak mendapat hak hadhanah bagi kanak-kanak yang belum mumaiyiz selepas ibunya berkahwin?

- A Ibu
- B Bapa
- C Ibu saudara
- D Bapa saudara

S80 Berikut adalah syarat-syarat seseorang berhak mendapat hak hadhanah.

- I Berakal
- II Amanah
- III Beragama Islam
- IV Tidak mempunyai anak

- A I, II dan III
- B I, III dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

-SOALAN TAMAT-